

19/06/2000

Dari jalan kampung ke lebuhraya

Meor Kamarul Shahid

HARI ini kita mula hidupkan enjin kereta, nak bersiar-siar melihat apa yang ada di sepanjang perjalanan nanti. Ketika sampai di lorong kiri, terpaksa berhenti dulu, toleh kiri dan kanan, takut nanti ada lori yang datang melanggar kita. Tak pasal-pasal kereta masuk bengkel. Nampaknya, hari ini jalan besar agak lengang - hari minggu. Orang lain yang dilihat di dalam kenderaan masing-masing pun agak tenang. Kalau suami dan isteri itu, biasalah, mereka tidak bercakap banyak dalam kereta. Yang muda-muda tu lebih nampak riang dan ceria. Jangan terlalu asyik sangat. Di depan tu ada plaza tol. Kalau terbabas, nanti tak pasal-pasal jadi berita di akhbar. Ada juga yang dilihat membaca akhbar. Berita yang dipaparkan hari ini pun agak panas.

Kawan-kawan kata, berita provokasi. Apa tidaknya, Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad kata, "Bukan Melayu boleh jadi Perdana Menteri". Baca tajuk tanpa mengikut berita sepenuhnya, boleh jadi kecut perut juga. Walaupun bukan Melayu boleh jadi Perdana Menteri, tapi ada syarat-syaratnya.

Semua kaum perlu beri persetujuan. Sekali pun berlaku Perdana Menteri bukan Melayu, orang itu tentulah terlalu istimewa orangnya. Semua orang mesti sayang kepadanya, tak kira mereka mewakili kaum apa sekali pun. Kalau tak ada calon setarafnya, susahlah sikit.

Orang Melayu pula tidak seharusnya melenting dengan kenyataan seperti itu. Ia sepatutnya menjadi tamparan hebat kepada mereka. Kalau asyik bercakapan, masih menyalahkan orang itu dan ini, lama-lama apa yang ada di dalam genggamannya pun akan terlepas. Ini boleh jadi satu ingatan kepada mereka.

Setakat ini kita tidak ada arah pasti yang hendak dituju. Rasa-rasa nak redah semua jalan yang ada di Malaysia ni - dari jalan batu merah di kampung-kampung, meredah jalan berlopak-lopak di estet hinggalah ke lebuhraya kelas satu di dunia. Cuma, apa yang hendak dipastikan ialah di lain jalan, lainlah cara memandunya.

Ada jalan yang kita perlu memandu lebih berhati-hati kerana bimbang terjerobos ke dalam lopak pula. Kalau di lebuhraya, mesti ada peraturannya pula, tidak boleh memandu sesuka hati, nanti berangkat dalam ambulans pula. Ada jalan perlu memandu perlahan manakala di tempat lain, terpaksa laju. Memandu siang dan malam juga, ada disiplinnya. Memandu di lorong kiri biasanya perlahan saja. Cuma, ada kalanya kereta di depan kita lebih perlahan.

Dalam keadaan ini, kita terpaksa memotong pula. Itu pun selepas melihat jalan dari arah belakang clear. Jadi, faham-faham sajalah. Apa yang dari kaca mata kita tidak kena, kita akan tegur. Tapi, kalau kita memandu tak betul, tak bermakna orang lain tidak boleh tegur kita pula. Jadi semua orang perlu bersikap terbuka demi kebaikan.

(END)